


Bekas Pengarah MIDF didenda RM85,000

Tertuduh didakwa guna dokumen pembayaran baucar palsu

Oleh **NOOR AZLIDA ALIMIN**
KUALA LUMPUR



Vijaya Kumar (kanan) tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk menghadapi pertuduhan kes menggunakan dokumen pembayaran baucar RM75,000 palsu pada Jumaat.

Seorang bekas Pengarah Yayasan Pembangunan Intelek Malaysia (MIDF) didenda RM85,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat kerana menggunakan dokumen pembayaran baucar RM75,000 palsu bagi program Tamil Schools Post Covid-19 Assistance (Tas-Covid).

SS Vijaya Kumar, 47, dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang dibaca di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjarakan enam bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan suatu dokumen iaitu Baucar Pembayaran MIDF berjumlah RM75,000 bertarikh 24 November 2020 kepada sebuah syarikat bagi pembayaran pensanitasi tangan, di mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

Kesalahan dilakukan di Unit Transformasi Masyarakat India (Mitra), Kementerian Perpaduan

Negara, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya pada 2 Julai 2021.

Kesalahan itu boleh dihukum di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, tertuduh menyediakan dokumen sokongan palsu iaitu baucar bayaran MIDF dalam laporan akhir kepada Mitra bagi perbelanjaan program Tas-Covid.

Hasil siasatan mendapati, syarikat yang dinamakan dalam baucar bayaran tersebut tidak membuat pembekalan pensanitasi tangan bagi program itu.

Semasa prosiding, tertuduh yang tidak diwakili peguam, merayu agar tidak dipenjarakan dan diberikan denda dalam kadar

minimum kerana telah menyesali perbuatan dilakukannya itu.

“Walaupun saya melakukan perkara ini atas arahan seseorang, tapi saya malu dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat secara umumnya.

“Saya telah beri semua butiran program mengenai program Tas-Covid kepada pihak berkuasa dan tiada transaksi kewangan masuk ke akaun bank saya,” katanya.

Vijaya Kumar juga berkata, dia telah meletak jawatan daripada organisasi tersebut dan kini bekerja sebagai perunding bebas.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, A Kalaivani memohon kepada mahkamah supaya menjatuhkan hukuman setimpal kerana kesalahan yang dilakukan adalah serius selain mengambil kira kepentingan awam.